



KEJOHANAN SUKAN SELANGOR (SUKSES) KE-13, 2019 PERATURAN PERTANDINGAN BOLING PADANG (LELAKI/WANITA)

1. PERATURAN AM

- 1.1. Selain daripada peraturan-peraturan yang terkandung, pertandingan ini akan mengikut Undang-Undang World Bowls dan Persekutuan Lawn Bowls Malaysia.
- 1.2. Sekira timbul sebarang perselisihan dari segi pentafsirnya, maka Undang-Undang dalam Bahasa Inggeris yang terkini akan dipatuhi.
- 1.3. Kejadian di luar dugaan dan tidak dinyatakan dalam peraturan berkenaan akan di putuskan seperti berikut :-
 - 1.3.1. Sebarang kejadian akan diputuskan berasaskan kepada **PERATURAN AM KEJOHANAN SUKSES 2019**.
 - 1.3.2. Sebarang perselisihan teknikal akan diputuskan berasaskan kepada Undang-Undang "**LAWS OF THE SPORTS OF BOWLS**".
- 1.4. Sebarang keputusan yang dibuat oleh Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan Boling Padang Kejuhanan SUKSES 2019 adalah muktamad.

2. TARIKH PERTANDINGAN.

- 2.1. **5hb hingga 10hb Ogos 2019**

3. TEMPAT PERTADINGAN

- 3.1. **GELANGGANG BOLING PADANG
PEJABAT DAERAH TANAH (PTD) SEPANG**

4. PENYERTAAN.

- 4.1. Penyertaan adalah terbuka kepada semua pasukan daerah di Negeri Selangor. Penyertaan hendaklah dibuat melalui Majlis Sukan Daerah masing-masing.
- 4.2. Setiap daerah hanya boleh mendaftarkan satu (1) pasukan terdiri daripada berikut :-

PERKARA	LELAKI	WANITA
Pengurus Pasukan	1 orang	
Jurulatih	1 orang	1 orang
Atlet	6 orang	6 orang
JUMLAH	8 orang	7 orang

5. KELAYAKAN PESERTA.

- 5.1. Hanya warganegara Malaysia yang bermastautin atau bekerja atau belajar di Negeri Selangor sahaja yang layak menyertai pertandingan ini.
- 5.2. Peserta hendaklah berumur bawah 20 tahun pada tarikh kejohanan atau lahir pada tahun 1999 dan selepasnya.

6. MESYUARAT PENGURUS PASUKAN.

- 6.1. Taklimat Pengurus Pasukan akan diadakan pada :

Tarikh : **4hb Ogos 2019**
Masa : **3.00 petang**
Venue : **Pejabat Persatuan Boling Padang
Sepang Perdana**

- 6.2. Pengurus-Pengurus Pasukan dikehendaki mengemukakan senarai nama Peserta berserta dengan Kad Pengenalan, yang asal untuk disahkan. Tambahan kepada bilangan peserta yang telah didaftarkan tidak dibenarkan.
- 6.3. Senarai peserta yang disahkan semasa Mesyuarat Pengurus Pasukan adalah muktamad. Sebarang pertukaran selepas Mesyuarat Pengurus Pasukan adalah tidak dibenarkan.
- 6.4. Hal-hal yang berkaitan dengan pertandingan akan diberikan semasa mesyuarat/taklimat pengurus-pengurus pasukan.

7. JADUAL PERTANDINGAN.

- 7.1. Semua acara pertandingan dijalankan mengikut sesi yang ditetapkan dan jumlah hari yang telah ditentukan.
- 7.2. Setiap perlawanan akan berlangsung samada mengikut masa atau hingga perolehan ends mengikut mana yang terdahulu seperti berikut :-

DISIPLIN	END	MASA
Single	21 shots	1 jam 30 minit
Pairs	15 ends	1 jam 30 minit
Triples	15 ends	1 jam 30 minit
Fours	15 ends	1 jam 30 minit

- 7.3. Apabila hon dibunyikan bagi tempoh tersebut ends yang sedang berjalan akan diteruskan sekiranya jack telah dileretkan (deliver).
- 7.4. Pengurus Pasukan hendaklah mendapatkan Kad Pertandingan (Score Card) 20 minit sebelum perlawanan.

- 7.5. Mana-mana pasukan yang masih belum bersedia bermain setelah hon permulaan dibunyikan, pihak lawan boleh menuntut end pertama dengan bilangan 1 shot dan tambahan 1 shot setiap 5 minit seterusnya maximum 3 shot. Contohnya : pertandingan bermula jam 8.00 – 1 shot, 8.05 – 1 shot, 8.10 – 1 shot. Selepasnya jam 8.15 pasukan lawan akan diberikan kemenangan percuma dengan 2 mata dan everage shot.
- 7.6. Jika mana-mana pemain/pasukan memberi kemenangan percuma dua kali dalam sepanjang pertandingan, pemain/pasukan tersebut akan dianggap manarik diri dan semua keputusan perlawanannya akan dimansuhkan.

8. PERTANDINGAN YANG TERTUNDA

- 8.1. Sebarang perlawanan yang gagal dihabiskan kerana sebab-sebab yang tertentu, maka pihak penganjur akan menentukan masa lain bagi perlawanan tersebut diteruskan sekiranya perlawanan ini membawa makna untuk pungutan mata.

9. ACARA PERTANDINGAN

- 9.1. Acara (disiplin) yang akan dipertandingkan dalam Kejohanan SUKSES adalah seperti berikut :-

Kategori Lelaki	
1.	Single
2.	Pairs
3.	Triples
4.	Fours

Kategori Wanita	
1.	Single
2.	Pairs
3.	Triples
4.	Fours

10. SISTEM PERTANDINGAN

- 10.1. Sebanyak empat acara untuk peserta lelaki dan wanita, dan satu acara Mixed Pairs akan dipertandingkan. Acara-acara tersebut ialah:
- 10.1.1. Singles : Lelaki / Wanita 21 mata atau 1 jam 30 minit yang mana terdahulu (4 bowls setiap pemain)
- 10.1.2. Pairs :Lelaki / Wanita 15 ends atau 1 jam 30 minit yang mana terdahulu. (3 bowls setiap pemain)
- 10.1.3. Triples : Lelaki / Wanita 15 ends atau 1 jam 30 minit yang mana terdahulu. (2 bowls setiap pemain)
- 10.1.4. Fours : Lelaki / Wanita 15 end atau 1 jam 30 minit yang mana terdahulu. (2 bowls setiap pemain)

- 10.1.5. Tiga (3) pasukan yang teratas dalam kumpulan A dan B akan melayakkan diri ke peringkat seterusnya seperti berikut:
- a) Johan Kumpulan 'A' dan 'B' akan mara ke Separuh Akhir (Semi-Final),
 - b) Naib Johan dan tempat ketiga Kumpulan 'A' dan 'B' akan bermain di 'Semi-Final Playoff' secara Kalah Mati (Knock-out)
- 10.1.6. Pihak pengelola berhak menukar bilangan 'shots', 'ends' dan masa yang perlu dimainkan apabila keadaan cuaca memaksa pindaan dibuat.

10.2. Acara yang akan dipertandingkan ialah :

Singles / Pairs / Triples / Fours

10.3. Perlawanan pusingan pertama adalah secara liga dalam kumpulan. Pemberian mata adalah seperti berikut:

MENANG	SERI	KALAH
2 Mata	1 Mata	0 Mata

- 10.4. Semasa perlawanan liga dalam kumpulan, keputusan untuk pemenang dalam kumpulan akan ditentukan mengikut keutamaan berikut:
- 10.4.1. Pasukan yang mempunyai **mata yang paling banyak** sekali adalah dianggap sebagai Johan Kumpulan.
 - 10.4.2. Jika pungutan mata adalah sama, maka pemain / pasukan yang **memperolehi perbezaan 'net shot' (margin) yang terbanyak** akan menjadi pemenang. (*Where points are equal, then the team with the greater Shots difference (Shots for minus shots against) will be the higher placed team*).
 - 10.4.3. Jika kedudukan juga masih sama, maka **pemain / pasukan yang mempunyai 'shot' yang terbanyak akan dikira sebagai pemenang**. (*if equality still exists the team scoring the most, shot in all matches played in that competition will be the higher placed*).
 - 10.4.4. Jika kedudukan juga masih sama, **maka pemain /pasukan yang memenangi antara kedua-duanya akan dikira pemenang**. (*if equality still exist, then the player / team who won between the two will be the winners*).

11. PENGADIL/MAKERS

- 11.1. Pengadil bertauliah akan disediakan oleh pihak penganjur/Persatuan Boling Padang Selangor.
- 11.2. Semua keputusan dalam setiap perlawanan adalah **muktamad**.

12. BANTAHAN / TATATERTIB

- 12.1. Setiap bantahan yang dikemukakan hendaklah dibuat secara bertulis oleh Pengurus Pasukan dan disertakan wang bantahan sebanyak **RM 500.00 tunai**. Wang bantahan tidak akan dikembalikan samada rayuan berjaya atau tidak. Wang tersebut akan digunakan sebagai kos pentadbiran untuk proses rayuan.
- 12.2. Setiap bantahan hendaklah dihantar kepada Pengarah pertandingan dalam masa 30 minit selepas sesuatu perlawanan itu tamat.
- 12.3. Jawatankuasa bantahan adalah seperti berikut :-
- 12.3.1. Pengarah Pertandingan
- 11.4.2. Pengerusi Jawatankuasa Pengelola/wakil
- 11.4.3. Tiga orang Pengurus Pasukan yang tidak terlibat dalam kes bantahan tersebut.

13. HADIAH.

- 13.1. Pingat-pingat akan diberikan kepada pasukan seperti berikut :-

ACARA	EMAS	PERAK	GANGSA
Singles Lelaki	1 (1)	1 (1)	2 (2)
Pairs Lelaki	1 (3)	1 (3)	2 (6)
Triples Lelaki	1 (4)	1 (4)	2 (8)
Fours Lelaki	1 (5)	1 (5)	2 (10)
Singles Wanita	1 (1)	1 (1)	2 (2)
Pairs Wanita	1 (3)	1 (3)	2 (6)
Triples Wanita	1 (4)	1 (4)	2 (6)
Fours Wanita	1 (5)	1 (5)	2 (8)
JUMLAH	8 (26)	8 (26)	16 (52)

BAHAGIAN PEMBANGUNAN SUKAN MAJLIS SUKAN NEGERI SELANGOR

(Pengurusan Acara : KEJOHANAN SUKAN SELANGOR (SUKSES) ke-13, 2019)